

**Presiden Singapura, Agong Berpuas hati Dengan Hubungan Dua Hala
Bernama
Mei 19, 2014**

SINGAPURA, 19 Mei (Bernama) -- Presiden Singapura Dr Tony Tan Keng Yam dan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim menzahirkan rasa puas hati dengan suasana persahabatan dalam hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia.

Kedua-dua ketua negara itu juga menarik perhatian kepada kerjasama pelbagai bidang antara kedua-dua negara dan kemajuan positif yang dicapai dalam inisiatif utama untuk mempertingkatkan perhubungan, perdagangan dan pelaburan, dan hubungan rakyat dengan rakyat kedua-dua buah negara.

Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura berkata dalam kenyataan hari ini bahawa kedua-dua pemimpin itu menzahirkan perasaan sedemikian selepas Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Tan dan Puan Mary Tan di Istana.

Terdahulu, Seri Paduka berdua diberi sambutan penuh istiadat di Istana, menandakan bermulanya lawatan negara oleh Seri Paduka berdua sehingga Rabu.

Pada malam ini, Presiden Tan dan isteri dijadual menghoskan majlis Jamuan Negara di Istana bagi meraikan Seri Paduka berdua .

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah berangkat tiba di sini pada Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039455>